



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



ENTRI DIALEK KELANTAN *GASOR* DARI ASPEK PENTAKRIFAN SEMANTIK

THE SEMANTIC DEFINITION ASPECT OF KELANTANESE DIALECT GASOR ENTRY

Noor Roza Hassan^{1*}, Hasnah Mohamad Adi², Yasran Abdul Aziz³, Norazlina Haji Mohd Kiram⁴

¹ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Email: nrozza@gmail.com

² Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Email: hasnah_m@upm.edu.my

³ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Email: adi@upm.edu.my

⁴ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Email: noraz@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 29.11.2020

Revised date: 06.12.2020

Accepted date: 27.05.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Hassan, N. R., Adi, H. M., Aziz, Y. A., & Kiram, N. M. (2021). Entri Dialek Kelantan *Gasor* Dari Aspek Pentaksiran Semantik. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (14), 71-92.

DOI: 10.35631/IJHPL.414005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk melihat entri dialek Kelantan (DK) *gasor* dalam Kamus Dewan edisi Keempat (KD4) dari aspek semantik. Objektif kajian adalah mengenal pasti permasalahan bentuk pentakrifan entri (DK) dalam KD4, menghuraikan pentakrifan makna entri DK *gasor* dalam KD4 dan merumuskan pentakrifan baharu bagi entri DK *gasor*. Terdapat 30 orang informan yang merupakan penutur asli DK telah dipilih secara rawak bagi tujuan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa pentakrifan entri DK *gasor* adalah kurang tepat dan telah menimbulkan kekeliruan kepada pengguna akibat kelingkaran makna, ketaksaan makna dan pertumpangtindihan makna bagi pentakrifan sesuatu entri, subentri dan frasa. Selain itu, Teori Analisis Komponen Makna (1975) yang telah digunakan dalam kajian ini juga dilihat mampu mengatasi permasalahan awal secara berpadu.

Kata Kunci:

Entri Dialek, Analisis Komponen Makna, Semantik, Penyusunan Kamus, Penilaian Semula

Abstract:

This study aims to observe the semantic aspect of Kelantanese dialect (KD) gasor entry in the Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4). The objective of the study is to identify the problem of the entry definition form KD in KD4, describe the definition of KD gasor entry in KD4, and formulate a new definition of KD gasor entry. 30 informants who are KD native speakers were randomly selected for the purpose of this study. The result shows that the KD gasor entry definition is not accurate and has caused confusion to the dictionary users due to the ambiguity of meaning, inaccuracy of meaning, and overlap of meaning for the definition of an entry, subentry, and phrase. In addition, the Componential Analysis of Meaning Theory (1975) which is used in this study seemed to be able to overcome the initial problems appropriately.

Keywords:

Dialect Entry, Componential Analysis of Meaning, Semantics, Dictionary Compilation, Reassessment

Pendahuluan

Peringkat pentakrifan merupakan tahap yang paling penting dalam proses penyusunan sesebuah kamus tetapi merupakan peringkat yang paling sukar untuk ditangani. Bersesuaian dengan salah satu tujuan utama seseorang pengguna merujuk sesebuah kamus adalah untuk mencari makna. Nik Safiah Karim (2003) berpendapat bahawa kegunaan paling asas bagi sesebuah kamus adalah sebagai sumber rujukan tentang makna sesuatu perkataan. Oleh hal yang demikian, mutu penghasilan sesebuah kamus akan ditentukan oleh pentakrifan makna yang diberikan terhadap sesuatu entri leksikal. Peringkat pentakrifan sesuatu entri memerlukan seseorang penyusun kamus mempunyai dan menguasai ilmu dalam aspek tatabahasa, semantik, pragmatik dan ilmu-ilmu sokongan yang lain secara mendalam. Pentakrifan entri dalam sesebuah kamus boleh dibahagikan kepada beberapa pendekatan. Antara pendekatan pentakrifan yang biasa digunakan termasuklah pentakrifan secara sinonim yang dilakukan dengan menggunakan padanan satu atau lebih entri dengan satu entri yang lain yang dianggap mempunyai makna yang sama dan boleh bertukar ganti. Pendekatan yang kedua ialah pentakrifan berdasarkan kelas kata sesuatu entri. Melalui pendekatan ini, ahli leksikografi perlu mengetahui kelas kata sesuatu entri itu terlebih dahulu sebelum melakukan pentakrifan bagi memperlihatkan wujudnya hubungan antara entri dengan objek yang ditakrif. Pendekatan yang ketiga ialah pendekatan secara deskriptif yang melakukan pentakrifan dengan menghuraikan secara ringkas, mudah dan tepat dengan memasukkan ciri-ciri utama entri tersebut secara berturutan serta teratur untuk menjelaskan makna. Pendekatan yang keempat ialah pendekatan secara gabungan, iaitu menggunakan pendekatan gabungan antara huraian dengan pendekatan secara sinonim. Pendekatan yang terakhir ialah pendekatan menggunakan kaedah penafian, iaitu menggunakan perkataan antonim sesuatu entri dalam proses pentakrifan makna yang dilakukan.

Kata dialek merupakan salah satu daripada kategori yang terkandung dalam entri/subentri/frasa *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD4). Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap (KD4), terdapat tiga belas kategori kata dialek yang dijadikan entri dalam kamus, iaitu dialek Johor, dialek Kedah, dialek Kelantan, dialek Melaka, dialek Negeri Sembilan, dialek Pahang, dialek Perlis, dialek Pulau Pinang, dialek Perak, dialek Sabah, dialek Sarawak dan dialek Terengganu. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap pentakrifan kata dialek

Kelantan (DK) “gasor” yang terkandung dalam KD4 dengan memberi tumpuan kepada aspek pentakrifan semantik.

Dialek Kelantan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat

Hashim Musa (1974) menjelaskan bahawa dialek merupakan perbezaan yang wujud dalam sesuatu bahasa. Manakala James T. Collins (1983) pula mengklasifikasikan dialektologi sebagai mengekshaskan kajian dalam ragam bahasa yang terdapat dalam sesuatu kawasan geografi atau suatu kelompok sosial tertentu. Asmah Omar (2008) membahagikan dialek Melayu kepada 13, iaitu dialek Johor, dialek Selangor, dialek Melaka, dialek Kedah, dialek Perak, dialek Pahang, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Negeri Sembilan, dialek Sarawak, dialek Brunei, dialek Kedayan dan dialek Urak Lawoi'. Terdapat 13 kategori dialek yang terkandung dalam KD4 dengan jumlah entri dan label kependekan yang berbeza. Antara dialek yang terdapat dalam KD4 ialah DK, dialek Terengganu, dialek Pahang, dialek Johor, dialek Kedah, dialek Melaka, dialek Negeri Sembilan, dialek Perlis, dialek Pulau Pinang, dialek Sabah, dialek Selangor dan dialek Sarawak. DK merupakan dialek yang dituturkan oleh masyarakat yang mendiami daerah-daerah di Kelantan dan di sempadan Terengganu dan Pahang serta beberapa daerah di wilayah Selatan Thailand. Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang berada di Timur Laut Semenanjung Malaysia, berhampiran Laut China Selatan di timur. Kelantan pada asalnya merupakan salah sebuah wilayah Thailand sehingga kedatangan British pada tahun 1909 dan merupakan salah sebuah petempatan yang tertua di Alam Melayu. Hampir keseluruhan kawasan datarannya terbentuk daripada lembah Sungai Kelantan.

DK yang digunakan di negeri Kelantan mempunyai banyak kelainan dari segi bunyi sebutan dan makna malah terdapat leksikal yang tidak wujud dalam dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. W.E. Pepys (1916) dalam catatannya mengatakan bahawa DK merupakan dialek yang paling sukar difahami oleh penutur lain berbanding dialek-dialek lain di Tanah Melayu. Hal ini kerana DK mempunyai sifatnya yang tersendiri dari segi sebutan dan juga makna. Pendapat tersebut diperkuat oleh Hugh Clifford dan Frank Swettenham (1894) dalam kajian mereka yang berpendapat bahawa di Semenanjung Tanah Melayu, Patani dan Kelantan merupakan negeri yang terlebih kaya dengan perkataan dialek berbanding negeri-negeri lain. Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap entri leksikal DK dalam KD4, hal ini didapati ada kebenarannya. Misalnya:

- bobek (bobék) **KI** merepek. (KD4, 2005:196)
- bokeh (bokéh) **KI**; **membokeh 1.** mencabut pokok dgn akar-akarnya; **2.** mencungkil (utk membuka sesuatu). (KD4, 2005:198)
- koksir **KI** berselerak (buku dll), tidak teratur atau tersusun. (KD4, 2005:804)

Pemilihan DK sebagai bahan kajian kerana DK merupakan dialek Melayu yang paling banyak mempunyai perbezaan sebutan daripada dialek-dialek Melayu yang lain di Malaysia. Selain perbezaan sebutan, DK juga mempunyai makna perkataan yang berbeza berbanding dialek-dialek Melayu yang lain. Di samping itu, DK merupakan dialek yang menyumbang kepada jumlah entri yang paling banyak dalam senarai dialek mengikut negeri yang dimuatkan dalam KD4, iaitu sebanyak 1052 entri, subentri dan frasa daripada keseluruhan kandungan KD4. Noresah Baharom (1993) berpendapat bahawa kewujudan entri bagi kata dialek Semenanjung

yang dimasukkan dalam KD tidak seimbang, yang mana DK jauh mendahului jumlah entri berbanding dialek negeri-negeri lain.

Kamus Dewan Edisi Keempat

Amat Juhari Moain (1994) telah merumuskan bahawa kamus ekabahasa merupakan kamus yang mengandungi kata entri serta takrifan makna yang menggunakan bahasa yang sama. Manakala Abdul Chaer (2007) menjelaskan bahawa kamus ekabahasa berperanan sebagai elemen bagi pengguna atau penutur atau bukan penutur asli bahasa untuk menambah pengetahuan atau mempelajari bahasa tersebut. KD merupakan kamus ekabahasa bahasa Melayu yang disusun untuk memenuhi salah satu tujuan utama penubuhan DBP pada 22 Jun 1956, iaitu untuk membina dan mengembangkan bahasa Melayu. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD4) terdiri daripada enam kategori kata yang merangkumi kata umum, kata dialek, bahasa percakapan (bahasa kasar, slanga, ungkapan bukan formal dan sebagainya), kata yang digunakan dalam sastera lama, istilah teknikal dan kata pinjaman. Memandangkan pengguna kamus terdiri daripada berbagai latar belakang bahasa dan dialek, KD memberikan maklumat tentang penggunaan kata dengan berpandukan label yang diletakkan selepas kata masukan dan label bagi kata masukan, setiap dialek dilabelkan dengan kependekan masing-masing. Pemasukan entri dialek dalam KD membuktikan bahawa banyak kosa kata yang berunsur dialek ini memerlukan kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam khususnya yang bersangkutan dengan aspek pentakrifan makna bersesuaian dengan perkembangan dan perluasan makna yang semakin berkembang. Dalam kajian penyelidikan ini, kajian hanya mengkhususkan kepada pentakrifan entri kata DK yang terkandung dalam KD4 sahaja. Walau bagaimanapun pengkaji hanya menggunakan entri DK *gasor* yang terkandung dalam KD4. Pemilihan dilakukan berdasarkan pentakrifan makna entri yang dilakukan oleh entri DK *gasor* yang dilakukan melalui pendekatan sinonim dan mempunyai makna yang kurang tepat.

Permasalahan Kajian Dan Objektif

Pentakrifan entri yang terdapat dalam KD4 mengelirukan pengguna terutamanya pentakrifan yang menggunakan pendekatan sinonim. Hal ini disebabkan berlakunya kelingkaran makna, ketaksaan makna dan sebagainya bagi sesuatu pemerian tersebut (Hui Chin, 2009). Dalam hal ini, kelingkaran makna merujuk kepada sesuatu leksikal yang mempunyai makna yang kurang jelas dan makna yang diberikan dihubung-hubungkan dan dipadan-padankan dengan makna kata yang hampir sama maksudnya tanpa diberi penerangan berkaitan persamaan atau perbezaan yang wujud. Makna leksikal yang kurang jelas ini menjadikan pengguna akan merujuk dari satu leksikal kepada leksikal yang lain tanpa mendapat jawapan yang sepatutnya. Kesannya, pengguna akan keliru dengan makna bagi sesuatu entri yang diberikan di dalam kamus itu. Konsep KD4 yang bertujuan merakam kosa kata dilihat berjaya mengumpul 82,900 entri/subentri/frasa sehingga kini. Jumlah ini sememangnya membuktikan bahawa bahasa Melayu itu sendiri berkembang dengan pesat. Walau bagaimanapun, kemasukan entri dari pelbagai kategori mahupun bidang perlu diperhalusi agar kekeliruan dalam kalangan pengguna kamus dapat diatasi. Noor Roza Hassan (2014) mendapati bahawa entri yang dimasukkan adalah kurang tepat dari segi ejaan dan sebutan sebenar. Keadaan ini tentunya secara tidak langsung menyebabkan kekeliruan pemahaman malah terdapat juga kemasukan entri DK yang tidak wujud dalam dunia sebenar. Contohnya:

Entri “cendas” (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Penelitian awal pengkaji berdasarkan data bertulis dan kajian lapangan membuktikan bahawa entri tersebut tidak wujud. Apa yang ingin dirakamkan dalam KD4 sebenarnya adalah *cendeh*

[tΣ↔n.dEh] yang bermaksud perbuatan mengangkat atau menghayun sebelah kaki ke belakang bagi binatang berkaki empat seperti lembu, kerbau dan kuda. Sehubungan dengan itu, seseorang pekamus itu perlu mahir dalam menangani kepelbagaian bentuk kata sebagai entri dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu (Noresah, 2009) agar pentakrifan yang diberikan adalah tepat. Hal ini bersangkut-paut dengan peranan KD4 sebagai bahan rujukan yang menjadi pegangan pengguna bahasa Melayu di Malaysia. Dalam melihat perkaitannya dengan entri DK yang menjadi bahan kajian, didapati tumpuan yang lebih mendalam adalah perlu. Hal ini kerana, DK mempunyai 15 vokal berbanding bahasa Melayu standard yang mempunyai hanya 6 vokal sahaja. Selain itu, DK juga mempunyai perbendaharaan kata yang sama sekali tidak terdapat dalam bahasa Melayu standard (Hashim Musa, 1974). Rentetan itu, ketepatan makna entri DK yang terdapat dalam KD4 perlu ditelusuri dengan sebaiknya agar pengguna bahasa Melayu akan mendapat pentakrifan yang setepatnya dan masalah kekeliruan dapat diatasi. Usaha pengkaji dalam menangani pentakrifan makna entri DK *gasor* dilihat dapat memberi pembaharuan kepada penyusun kamus. Perkara ini disokong oleh kajian Hui Chin (2009) yang berpendapat bahawa perlunya satu sistem pemerian baharu bagi pentakrifan entri kamus agar pengguna kamus dapat memahami dengan lebih jelas takrifan sesuatu kata itu. Harimurti Kridalaksana (2003) turut menjelaskan bahawa sesebuah kamus itu perlulah mengandungi keterangan entri dengan definisi yang jelas dengan melibatkan pendekatan teoritis.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji pentakrifan leksikal DK dalam KD4 dan secara khususnya mempunyai objektif seperti yang berikut:

- i. Mengenalpasti permasalahan bentuk pentakrifan entri DK dalam KD4.
- ii. Menghuraikan pentakrifan makna entri DK *gasor* dalam KD4 menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975).
- iii. Merumuskan bentuk pentakrifan baharu bagi entri DK *gasor*.

Sorotan Kajian

Kajian Aspek Leksikografi

Kosem *et al.* (2018) telah melakukan tinjauan terhadap penggunaan kamus di Eropah yang memberi tumpuan kepada kamus ekabahasa. Kajian ini melibatkan hampir 10,000 orang pengguna dan bukan pengguna kamus daripada tiga puluh buah negara. Kajian Kosem *et al.* (2018) memberi tumpuan kepada kecenderungan pengguna menggunakan carian di laman sesawang untuk mendapatkan maklumat berkaitan makna bagi sesuatu perkataan. Kajian ini tidak memperkatakan tentang pendekatan yang dilakukan dalam mentakrif sesuatu makna. Kosem *et al.* (2018) menggunakan kaedah soal selidik dalam talian tentang penggunaan kamus ekabahasa di Eropah yang melibatkan 9,562 responden daripada 30 buah negara, iaitu lebih 300 responden dari setiap negara secara purata. Bahasa yang digunakan dalam soal selidik ini adalah dalam versi yang berbeza mengikut negara. Kajian ini melibatkan para pelajar dan penterjemah. Apabila sesuatu perkataan tidak terdapat di dalam sesebuah kamus, para pengguna kebiasaannya akan melayari laman sesawang untuk mencari maklumat. Kajian juga membuktikan bahawa carian sesawang telah menjadi pilihan pertama para pengguna masa kini. Kecenderungan ini telah berlaku seawal tahun 2010, apabila kajian oleh Lorentzen dan Theilgaard (2012) membuktikan bahawa separuh daripada keseluruhan pelawat bagi kamus terkemuka ekabahasa Denmark adalah daripada *Google* dan kecenderungan ini semakin kuat.

Kecenderungan terhadap teknologi dan laman sesawang adalah sesuatu yang perlu diambil perhatian oleh para leksikografi dan mereka perlu merangka kamus-kamus digital terkini yang sesuai dengan kehendak pengguna abad ke-21. Kosem et al. (2018) membuat kesimpulan bahwa jika kamus itu menjadi bahan rujukan dan bersaing dengan carian di laman sesawang, maka sesebuah kamus itu haruslah berpindah daripada bentuk percetakan kepada teknologi moden yang memberi faedah kepada para pengguna pada masa kini dan akan datang.

Nor Hashimah Jalaluddin (2018) telah memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran leksikografi yang berasaskan teori dan praktis. Kedua-dua kaedah tersebut kemudian digabungkan bagi membantu pelajar memahami disiplin ini dengan baik. Hal ini bertujuan untuk memotivasikan pelajar agar menghargai seni menyusun kamus. Bermula dengan makna perkataan secara impresionistik, pelajar secara beransur-ansur diperkenalkan dengan teori dan praktis. Setelah beberapa sesi latihan, pelajar mampu untuk memahami dan membina entri yang lengkap. Sesi latihan dimulai dengan membuat definisi. Melalui proses ini, para pelajar telah menerangkan makna perkataan “suram” secara terhad dan telah memberikan beberapa contoh ayat tanpa mengetahui bagaimana untuk menghasilkan definisi lengkap mengenai Sesutu entri. Entri yang lengkap haruslah terdiri daripada tatabahasa, simbol fonetik, definisi, contoh penggunaan dan maklumat lain yang relevan dengan entri tersebut. Dalam proses membina definisi, pelajar juga dapat mengesan ketidaksesuaian makna yang diberikan dalam beberapa buah kamus. Mereka dapat melihat makna yang tidak sesuai dan seterusnya, mengusulkan penerangan yang lebih baik bagi perkataan tersebut. Data daripada korpus telah menjadi sumber utama pelajar dalam membina makna perkataan. Pelajar dapat memberi definisi lengkap, yang terdiri daripada simbol fonetik, tatabahasa, polisemi, subentri, singkatan dan suku kata. Melalui proses ini, para pelajar dapat menghasilkan definisi yang lengkap untuk perkataan “suram” bagi satu entri. Pada peringkat ini, para pelajar diajar tentang proses penghasilan sesebuah kamus dan secara serentak diperkenalkan kepada penyelidikan kamus. Kaedah menggabungkan teori dan praktikal ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari serta memahami tentang proses sesebuah kamus itu disusun secara sistematik. Hasil kajian mendapati bahawa melalui diagostik, perancangan strategik dan intervensi, pelajar telah mula menukar cara berfikir mereka dan mampu mengaitkan aktiviti penyusunan kamus yang rumit ini dengan ilmu yang telah mereka perolehi. Hartmann (2001) berpendapat bahawa seni membuat kamus tidak wujud secara langsung tetapi dihasilkan dan digunakan dalam konteks yang berbeza dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, kedua-dua praktikal tentang proses penghasilan kamus dan teori berkaitan penyelidikan kamus diperlukan terutamanya dalam persekitaran akademik. Hal ini menunjukkan bahawa teori linguistik sangat diperlukan dalam pembuatan sesebuah kamus.

Gouws dan Tarp (2017) telah melakukan kajian berkaitan masalah lebih maklumat dan data dalam leksikografi. Menurut kajian tersebut, amalan leksikografi terdahulu yang bertujuan untuk menghasilkan kamus dalam bentuk percetakan adalah baik kerana dapat bersandarkan pada asas teori bunyi. Hal ini telah meningkatkan kualiti kamus yang dihasilkan. Gouws dan Tarp (2017) menggunakan kaedah pemerhatian kamus dan keutamaan diberikan terhadap kamus dalam talian. Para ahli leksikografi yang mengambil bahagian dalam perancangan dan penyusunan kamus dalam talian ini juga memerlukan akses kepada teori, dan merupakan salah satu keutamaan kepada para ahli teori leksikografi untuk mengembangkan teori mereka sehingga dapat menyokong susunan kamus bercetak dan kamus dalam talian. Melalui kajian tersebut, Gouws dan Tarp (2017) mendapati bahawa korpus-korpus elektronik telah menjadi kelebihan dan bantuan utama. Walau bagaimanapun, bahan tersebut perlu digunakan secara berdisiplin dan bukan memasukkan sebanyak mungkin data ke dalam ruang penyimpanan

kamus dalam talian yang tiada batasan. Sekatan ke atas ruang penyampaian dan ruang skrin terutamanya juga perlu diambil kira. Dalam konteks ini, Gouws dan Tarp (2017) berpendapat bahawa aplikasi teori leksikografi serta penggunaan teknik maklumat yang sesuai adalah sangat penting. Lebihan data juga seringkali membawa kepada lebihan fungsi data kerana data tidak dipilih dan disampaikan berdasarkan kepada fungsinya di dalam kamus. Kamus dalam talian pelbagai fungsi juga memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan. Walau bagaimanapun, pengguna perlu mengakses data yang berkaitan dengan keperluan secara tepat melalui proses perundingan yang khusus. Lebihan data yang kurang relevan akan menghalang kejayaan proses perundingan. Melalui kajian yang dilakukan, Gouws dan Tarp (2017) menyimpulkan bahawa para penyelidik percaya bahawa satu set jenis data dapat memenuhi keperluan segelintir pengguna dalam beberapa waktu, dan mungkin beberapa pengguna sepanjang masa, tetapi tidak dapat memenuhi kehendak semua pengguna sepanjang masa.

Fatkullina *et al.* (2016) menjalankan kajian tentang kamus terminologi bagi industri minyak. Kamus terminologi dengan beberapa entri berbeza dianggap sebagai salah satu cara untuk mengajar subjek khas di dalam kelas. Model leksikografi direka untuk pengekodan maklumat terminologi yang mudah difahami oleh pelajar dan mencukupi bagi ahli profesional dalam industri minyak. Fatkullina *et al.* (2016) menggunakan kaedah simulasi tentang unit-unit terminologi daripada pemerhatian secara langsung, iaitu kaedah statistik untuk mengenal pasti kosa kata dalam industri minyak dan gas, mencari satu set unit terminologi, maksud perkataan dalam teks, dan juga untuk menentukan kekerapan penggunaan perkataan, kadar perkataan yang tidak jelas dan pembentukan kosa kata. Sejarah industri minyak dan gas adalah lebih daripada 100 tahun, dan sebilangan besar kamus telah diwujudkan. Jenis kamus ditentukan oleh para pengguna dan objektif kamus, dan ditunjukkan melalui entri kamus dan glosari yang berbeza. Ciri-ciri glosari berkaitan dengan pemilihan kosa kata dan pengurangan perkataan. Entri kamus adalah berkaitan dengan maksud istilah. Sehubungan dengan itu, entri dan maksud di dalam kamus terminologi mengenai industri minyak dan gas adalah sangat penting. Keperluan untuk menerangkan unit-unit terminologi secara sistematik telah menarik minat para penyelidik dan ahli terminologi. Sistem terminologi ini dianggap sebagai analisis keseluruhan terhadap konsep sedia ada dalam sesuatu bidang tertentu. Di bawah sistem ini ini, para pengguna dapat memahami perbendaharaan kata yang menggabungkan pelbagai maksud perkataan dan memberikan pemahaman yang paling lengkap. Analisis multidimensi kosa kata dalam industri minyak yang dijalankan telah mempertimbangkan pelbagai aspek terminologi sebagai satu unit pengetahuan khusus. Satu manual terminologi yang mempunyai pelbagai maklumat tentang perkataan yang digunakan dalam industri minyak dan gas diperlukan untuk memahami makna perkataan yang digunakan dalam bidang ini.

Kajian Hasnah Mohamad (2016) berkaitan ilmu terminologi dan terminografi Melayu, khususnya berkaitan pentakrifan kamus istilah. Kajian ini bertujuan menambahbaik dan menghasilkan panduan pendrafan kamus istilah dengan menerapkan gabungan Teori Umum Peristilahan (TUP) dan Teori Relevan (TR) dalam menangani masalah kaedah pentakrifan kamus istilah. Kajian dilakukan melibatkan kajian kaji selidik 150 responden khusus dalam bidang kejururawatan. Di samping itu, tiga buah kamus umum dan lima buah kamus istilah dipilih sebagai sumber data. Hasil kajian Hasnah Mohamad (2016) mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mencetuskan berlakunya perbezaan takrif. Pencirian takrif terbahagi kepada beberapa kelompok yang dinyatakan dari aspek kandungan takrif, jawatankuasa pendraf dan pendraf. Kajian Hasnah Mohamad (2016) juga mendapati bahawa pengguna boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pelajar diklasifikasikan sebagai pengguna pasif, yang merujuk kamus untuk mendapatkan padanan makna. Manakala pengamal merupakan

pengguna aktif yang akan merujuk kamus jika memerlukan sebarang maklumat yang berkaitan. Kesimpulannya, kajian Hasnah Mohamad (2016) merumuskan ciri-ciri kamus istilah yang diperlukan oleh masyarakat.

Salinah *et. al.*, (2016) menjalankan kajian berkaitan sinonim dan kelingkaran makna dalam kamus. Melalui kajian tersebut, tumpuan diberikan terhadap beberapa kaedah pemaknaan sinonim dalam perkamusan Melayu. Salinah *et. al.*, (2016) mengkaji sejauh mana kaedah pemerian makna dalam kamus bahasa Melayu dapat membantu pengguna memahami makna perkataan yang bersinonim. Kajian ini berusaha menyarankan satu kaedah pemerian baharu bagi perkataan yang bersinonim dalam kamus bahasa Melayu agar pengguna kamus dapat memahami dengan lebih jelas berkaitan makna perkataan bersinonim. Melalui kajian ini, Salinah *et. al.*, (2016) turut menggunakan KD sebagai sumber kajian. Sebanyak lima perkataan bersinonim telah diambil dari data korpus DBP untuk dianalisis, iaitu perkataan *campak*, *lempar*, *lontar*, *baling* dan *buang*. Penganalisan data dilakukan terhadap beberapa jenis data yg dikumpulkan, iaitu data korpus DBP, data forum dlm talian, data soal selidik dan juga data kuantitatif. Hasil kajian Salinah *et. al.*, (2016) merumuskan bahawa pendefinisian sesuatu perkataan sinonim, memerlukan bentuk penghuraian yang lebih terperinci dengan pemasukan maklumat yang bersesuaian, iaitu ciri-ciri yang boleh membezakan perkataan-perkataan yang bersinonim tersebut.

Rusmadi Baharudin (2015) melakukan kajian berkaitan keterangan leksikografis tentang kata kerja melihat dan kata-kata yang bersinonim dengannya, iaitu memandang, nampak, merenung, memerhatikan, menonton, menatap, mengamati, mengintai, menengok, dan mengintip. Kajian ini menggunakan pendekatan berasaskan Rana Semantik dan berpandukan pangkalan data leksikal FrameNet. Kajian korpus yang bersumberkan Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka ini mendapati bahawa kata kerja *melihat* yang merupakan kata nuklear bagi kata kerja yang dapat dilihat dalam bahasa Melayu bukan sahaja mendahului angka kekerapan dalam janaan konkordans malah turut menunjukkan penguasaan dalam bilangan potensi makna, iaitu jauh meninggalkan rakaman makna yang terdapat dalam kamus, baik dari aspek polisemi mahupun dari aspek sinonim. Dapatan kajian yang meliputi makna teras mendapati bahawa kata kerja melihat beroperasi dalam tiga bidang semantik, iaitu yang menunjangi makna aktiviti visual, yang memotivasikan makna pengalaman visual dan yang menjelmakan makna penampilan visual. Dapatan kajian bagi makna teras pula, kata kerja melihat menunjukkan bermacam pola penggunaan. Pola penggunaan tersebut terbahagi kepada lima penggunaan yang bersifat metafora, iaitu bukan persepsi visual, kognisi penelitian, sosial dan pragmatik. Perbezaan sinonim bagi kata kerja melihat menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkataan yang dikategorikan sebagai bersinonim dengan kata kerja yang mempunyai unsur-unsur semantik yang berlainan. Kajian yang dilakukan oleh Rusmadi Baharudin (2015) ini memberi sumbangan baru kepada kaedah penyelidikan berkaitan makna kata secara sistematik dan menambah baik penulisan entri dalam penyusunan kamus Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada kata umum, iaitu makna kata kerja *melihat* tetapi tidak menyentuh aspek berkaitan pentakrifan kata dialek dalam kamus bahasa Melayu.

Hui Chin (2009) mengemukakan satu kajian berkaitan *Sinonim Bahasa Melayu Dari Aspek Leksikografi*. Kajian yang dilakukan adalah untuk melihat penggunaan makna sinonim dalam kamus bahasa Melayu dan masalah yang timbul berhubung takrifan makna sinonim yang hanya merujuk kepada padanan lain tanpa penghuraian makna yang jelas. Di samping itu, Hui Chin (2009) juga mengkaji sejauh mana kaedah pemerian makna dalam kamus bahasa Melayu dapat membantu pengguna memahami makna perkataan yang bersinonim. Kajian ini berusaha

menyarankan satu kaedah pemerian baharu bagi perkataan yang bersinonim dalam kamus bahasa Melayu agar pengguna kamus dapat memahami dengan lebih jelas berkaitan makna perkataan bersinonim. Hui Chin (2009) turut menggunakan KD sebagai sumber kajian. Penganalisan data dilakukan terhadap beberapa jenis data yg dikumpulkan, iaitu data korpus DBP, data forum dlm talian, data soal selidik dan juga data kuantitatif dengan berbantuan pendekatan Semantik Ranahan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, Hui Chin (2009) mendapati bahawa terdapat dua usul yang dicadangkan bagi memerikan makna sinonim dalam kamus, iaitu pemerian bagi kamus umum dan pemerian bagi kamus khusus, iaitu kamus sinonim.

Nor Hashimah Jalaludin (2001) dalam kajian berkaitan masalah kelingkaran makna bagi sesuatu kata yang terkandung di dalam kamus menyatakan bahawa masalah yang timbul kerana kaedah pendefinisian yang dilakukan oleh sesebuah kamus. Beliau mendapati bahawa kelingkaran makna di dalam sesebuah kamus banyak terdapat dalam Kamus Dewan. Permasalahan ini berpunca daripada cara penghuraian makna sesuatu perkataan yang menggunakan pendekatan secara sinonim. Penghuraian makna sesuatu perkataan dilakukan dengan cara saling rujuk merujuk antara satu sama lain dan saling bertukar ganti digunakan dalam memberi sesuatu pentakrifan. Kajian Nor Hashimah (2001) yang menggabungkan kaedah ilmu semantik dan Teori Relevans dari ilmu pragmatik ini berjaya merungkai masalah berkaitan masalah kelingkaran makna kata umum bagi entri *teman*, *kawan*, *handai*, *sahabat* dan *taulan* tetapi tidak menyentuh entri berkaitan kata dialek.

Harimurti (2003) dalam kajiannya yang bertajuk *Kamus sebagai Dokumentasi Bahasa* menghuraikan bahawa sesebuah kamus itu perlu mengandungi keterangan entri dan dapat mendefinisikan makna entri tersebut secara tuntas. Antara contoh yang diberikan adalah tentang kata *perempuan* atau *wanita*. Beliau menyatakan bahawa wujud beberapa perbezaan dari segi takrifan makna antara kedua-dua perkataan tersebut. Kata *Perempuan* lebih wajar digunakan kerana dianggap lebih asli tetapi sebaliknya ada yang berpendapat *wanita* lebih halus dari kata *perempuan* yang ada membawa makna negatif. Secara umumnya, Harimurti (2003) membuat rumusan tentang perbezaan yang wujud dari aspek makna *perempuan* atau *wanita* dari aspek etimologi, iaitu wanita adalah kata pinjaman dari bahasa Sanskrit yang meresap masuk ke bahasa Indonesia melalui bahasa Jawa manakala kata *perempuan* merupakan kata Melayu asli yang digunakan di istana-istana di negara Malaysia dan Brunei sebagai “raja perempuan”, “datuk perempuan” dan “datuk perempuan” hingga sekarang. Walau bagaimanapun, Harimurti (2003) hanya melihat perbezaan makna antara perkataan *perempuan* dan *wanita* dari aspek etimologi secara permukaan sahaja tanpa melihat dari sudut pentakrifan makna yang lebih luas yang melibatkan pendekatan teoretis.

Ibrahim Ahmad (2005) juga turut menyentuh tentang perbezaan antara kamus umum dengan kamus khusus yang jelas berkaitan pemerian entri kedua-dua jenis kamus tersebut. Kamus umum mengandungi kesemua unit leksikal bagi sesuatu bahasa sedangkan kamus khusus hanya mengandungi satu daripada aspek keseluruhan unit leksikal yang ada. Dari sudut pendefinisian pula, kamus umum merupakan takrifan sedutan berdasarkan pembuktian korpus sedangkan pendefinisian kamus khusus ditentukan oleh pakar bidang. Kajian Ibrahim Ahmad (2005) ini hanya membincangkan tentang perkembangan perkamusan Melayu di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam serta isu berkaitan beberapa aspek daripada domain kamus dan perkamusan secara permukaan tanpa meneliti secara mendalam berkaitan kaedah pemerian atau pentakrifan entri-entri yang terdapat dalam sesuatu kamus ekabahasa mahupun kamus

dwibahasa. Kajian ini hanya menyenaraikan perbezaan dari segi medan maklumat dan huraian pentakrifan yang dikutip dalam kamus ekabahasa.

Kajian Aspek Dialek Kelantan

Riduan Makhtar dan Abdul Ganing Laenggang (2018) melakukan kajian berkaitan dialek Kelantan tua yang dikenali juga sebagai dialek Sungai Nenggiri yang terletak di Gua Musang, Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan membuat huraian berkaitan bentuk penyebaran segmental vokal dan konsonan yang digunakan pada suatu masa dahulu di Sungai Nenggiri yang merupakan penempatan asal jajahan Gua Musang. Riduan Makhtar dan Abdul Ganing Laenggang (2018) menggunakan kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan rakaman digunakan untuk mendapatkan data. Informan terdiri daripada tiga orang penutur jati dialek Kelantan yang merupakan penduduk Kampung Sungai Nenggiri, menetap di kawasan tersebut sejak kecil. Riduan Makhtar dan Abdul Ganing Laenggang (2018) telah membahagikan data kepada dua, iaitu kata dan bunyi. Kajian mendapati bahawa terdapat 18 bunyi konsonan dan 8 vokal derivasi dialek Kelantan di Sungai Nenggiri yang menempati ketiga-tiga kedudukan kata, iaitu di awal, tengah dan akhir kata. Di samping itu, kajian juga mendapati bahawa dalam dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri terdapat konsonan sengauan lelangit lembut [N] pada kedudukan akhir kata dalam sesetengah perkataan. Kajian juga mendapati bahawa pada suatu masa dahulu, dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri merupakan dialek Kelantan yang menjadi penempatan pertama di Hulu Kelantan. Kajian yang dilakukan oleh Riduan Makhtar dan Abdul Ganing Laenggang (2018) hanya melihat dialek Kelantan varian Sungai Nenggiri sahaja tetapi tidak menyentuh berkaitan penghuraian makna sesuatu perkataan dalam dialek Kelantan, khususnya merujuk kepada penggunaan makna kamus.

Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015) menyumbang kepada pengkajian berkaitan penelitian dialek Kelantan melalui berkaitan penggunaan kata nama melalui aplikasi pesanan *WhatsApp*. Kajian yang dilakukan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian pemerhatian tidak ikut serta. Kajian pemerhatian tidak ikut serta dijalankan melibatkan kumpulan *WhatsApp* yang dinamakan sebagai “Sahabat JIP” berjumlah 22 orang yang terdiri daripada 11 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu, 1 orang pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali, Terengganu dan 3 orang dari Institut Pendidikan Guru kampus Kota Bharu, Kelantan. Informan berumur antara 44 hingga 60 tahun yang terdiri daripada Kelantan (16 orang), Besut (3 orang), Kemaman (1 orang), Pahang (1 orang) dan Perlis (1 orang). Pengkaji mengikut segala komunikasi dalam kumpulan *WhatsApp* selama tiga bulan sebagai pemerhati dengan memperoleh 1,060 perbualan. Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015) menggunakan model *Grid Speaking* untuk membincangkan data yang diperolehi. Kajian menunjukkan bahawa kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan adalah unik dan bervariasi, yang berbeza dari sudut nahu dengan sudut sosiolinguistik. Penggunaan kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan juga akan mengalami perubahan bergantung kepada rujukan sebagai orang pertama, kedua ataupun ketiga. Kajian juga mendapati bahawa penggunaan kata ganti nama “ambo” yang merujuk kepada ganti nama orang pertama dalam kumpulan *WhatsApp* paling banyak digunakan berbanding dengan penggunaan ganti nama kedua dan ketiga. Kekekapan penggunaan ganti nama “ambo” berdasarkan latar belakang informan yang merupakan pendidik yang memerlukan penggunaan bentuk komunikasi yang lebih sopan.

Teo Kok Seong (2005) dalam tulisannya yang bertajuk *Asimilasi Dialek Melayu Kelantan dan Dialek Thai Kelantan dalam Bahasa Cina Peranakan Kelantan* telah melakukan kajian tentang struktur bahasa Cina Peranakan Kelantan. Cina Peranakan Kelantan merupakan sebuah masyarakat yang memperlihatkan tahap asimilasi yang tinggi terhadap bahasa dan budaya masyarakat Melayu Kelantan dan juga masyarakat Thai Kelantan. Penyerapan kata-kata ini merupakan sifat peminjaman leksikal. Antara dapatan kajian Teo Kok Seong (2005) mendapati bahawa sifat campuran Cina-Melayu-Thai pada bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan menunjukkan telah berlaku proses asimilasi linguistik, terutamanya dari sudut tatabahasa. Bahasa Cina Peranakan Kelantan juga banyak menyerap kata-kata DK dan dialek Thai Kelantan. Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan telah mengasimilasikan sintaksis intraklausa dan interklausa daripada dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan. Beliau juga mendapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga kelainan utama bahasa Cina Peranakan Kelantan yang mempunyai penyebaran geografi yang tersendiri. Antara kelainan tersebut adalah DK yang dituturkan di kawasan Peringat yang mempunyai kelainan bentuk bahasa yang amat oleh DK, DK yang dituturkan di kawasan Wakaf Bharu yang sangat dipengaruhi oleh dialek Thailand dan penyebaran oleh Cina Peranakan yang menuturkan kedua-dua dialek Melayu dan dialek Thailand dan penyebarannya tidak mengkhususkan kepada kawasan tertentu.

Ajid Che Kob (1985) dalam kajiannya tentang *Dialek Geografi Pasir Mas* menghubungkan bentuk-bentuk percakapan yang berbeza-beza di jajahan Pasir Mas dengan daerah yang mengucapnya. Setakat yang ditelusuri oleh pengkaji, kajian ini merupakan satu-satunya kajian DK yang melihat perbezaan mengikut sempadan geografi. Kajian Ajid Che Kob (1985) ini menggunakan seorang informan dari satu kawasan, meliputi 40 kawasan yang mewakili setiap satu kawasan yang dikaji bagi melengkapkan data korpus mengenai dialek geografi di kawasan Pasir Mas. Berdasarkan kajian yang dilakukan, Ajid Che Kob (1985) mendapati bahawa terdapat tiga perbezaan yang telah dikenal pasti terdapat di kawasan Pasir Mas, iaitu perbezaan vokal, konsonan dan leksikal. Aspek fonologi menampakkan kesejajaran yang lebih sistematis dan teratur berbanding dengan aspek leksikal. Dalam aspek fonologi, terdapat ciri-ciri linguistik tertentu yang menampakkan penyebaran yang sangat tersusun hingga menampakkan terdapatnya ikatan isoglos yang memperlihatkan pemisahan antara satu zon dengan zon yang lain. Bagi aspek leksikal pula, daftar kata yang disenaraikan dalam kajian tersebut kebanyakan menunjukkan penyebaran yang bersimpang-siur iaitu, satu kata mempunyai isoglos yang tersendiri yang tidak selari dengan isoglos yang lain, sehingga tidak dapat dikesani satu ikatan isoglos bagi jajahan Pasir Mas. Kajian Ajid Che Kob (1985) mendapati bahawa penyebaran dan kesejajaran ciri-ciri fonologi, ciri-ciri kesejajaran dan penyebaran leksikal bagi jajahan Pasir Mas boleh dibahagikan kepada tiga zon. Kawasan yang tidak termasuk dalam ketiga-tiga zon itu diklasifikasikan sebagai kawasan peralihan. Pembahagian zon ini turut dipengaruhi oleh ciri sengau atau tidak sengau pada vokal. Berdasarkan kajian tersebut, Ajid Che Kob (1985) membuat rumusan bahawa kawasan yang paling stabil dalam penggunaan bahasanya merupakan kawasan-kawasan yang termasuk dalam zon pertama, iaitu kawasan Chicha Tinggi, Gong Dayat, Bechah Kida dan kawasan Bukit Tuku. Beliau berpendapat bahawa ciri linguistik yang terdapat di jajahan Pasir Mas datang dari berbagai sudut dan mungkin berlainan arus, iaitu zon pertama dari satu sudut, zon kedua dari satu sudut dan zon ketiga sekurang-kurangnya dari dua sudut.

Hashim Musa (1974) dalam kajiannya yang bertajuk *Morfemik Dialek Melayu Kelantan* telah membuat kajian mengenai aspek morfemik dan cara-cara penyusunan morfem-morfem dalam pembentukan kata DK. Morfemik merupakan satu kajian terhadap morfem-morfem dalam sesuatu bahasa atau dialek. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan pendekatan nahu tagmemik yang dipelopori oleh Kenneth L. Pike, kemudian diikuti oleh Robert E. Longacre, B. Elson & V. Pickett dan Walter A. Cook untuk menganalisis dan menghuraikan morfemik DK. Kajian ini dilakukan di Mukim Kasa, iaitu kira-kira satu kilometer dari Bandar Pasir Mas dengan menggunakan tujuh orang informan melalui kaedah rakaman pertuturan sebagai bahan kajian. Kajian Hashim Musa (1974) mendapati bahawa DK mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri, iaitu dari segi fonemik, DK mempunyai 15 vokal berbanding bahasa Melayu standard yang mempunyai enam vokal. Dalam DK, vokal yang dinasalkan adalah bersifat fonemik. Berdasarkan kriteria formal, Hashim Musa (1974) berpendapat bahawa kata-kata DK boleh dikelaskan kepada lima kelas utama, kata kerja, kata nama, kata adverb, kata adjektif dan partikel. DK juga mempunyai banyak perbendaharaan kata yang sama sekali tidak terdapat dalam bahasa Melayu standard. Perbezaan yang sangat ketara ini menjadikan DK kelihatan unik berbanding dialek Melayu yang lain. Walau bagaimanapun, Hashim Musa (1974) hanya melakukan kajian yang melibatkan morfemik dan cara-cara penyusunan morfem-morfem dalam pembentukan kata DK sahaja.

Nik Safiah Karim merupakan antara pengkaji terawal yang membuat kajian berkaitan tentang DK. Dalam kajiannya yang bertajuk *Loghat Melayu Kelantan, Suatu Kecerakinan Kaji Bunyi Bahasa*, Nik Safiah Karim (1965) telah menyentuh secara terperinci tentang vokal, konsonan dan bentuk suku kata yang terdapat dalam DK. Tumpuan kajian diberikan terhadap aspek kaji bunyi bahasa menuju kepada kehadiran bunyi sebagai aspek kaji tatabunyi dan kajian tersebut tertumpu di Kampung Banggol yang terletak lebih kurang 2 1/2 batu dari Kota Bharu. Beliau mendapati bahawa terdapat dua jenis vokal dalam DK, iaitu vokal-vokal tulen dan vokal-vokal yang geluncuran dan kedua-dua jenis vokal ini boleh disengaukan. Terdapat lapan vokal tulen dalam loghat Kelantan, iaitu empat vokal depan, tiga vokal belakang dan 1 vokal tengah. Bagi konsonan pula, terdapat dua jenis konsonan, iaitu konsonan asli, iaitu konsonan yang sedia ada dan konsonan pinjaman. Manakala bagi aspek suku kata, Nik Safiah Karim (1965) mendapati terdapat antara satu hingga empat suku kata dan kata dasar yang mempunyai bilangan dua suku kata merupakan jumlah suku kata yang banyak sekali. Melalui kajian tersebut juga, Nik Safiah Karim (1965) berpendapat bahawa tidak terdapat perbezaan yang besar dari segi pengucapan loghat antara satu daerah dengan daerah yang lain di Kelantan. Kajian ini hanya menyentuh tentang sistem bunyi bahasa yang terdapat dalam DK sahaja tanpa menyentuh sebarang unsur yang melibatkan pentakrifan makna bagi kata DK.

Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015) menyumbang kepada pengkajian berkaitan penelitian dialek Kelantan melalui berkaitan penggunaan kata nama melalui aplikasi pesanan *WhatsApp*. Kajian yang dilakukan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian pemerhatian tidak ikut serta. Kajian pemerhatian tidak ikut serta dijalankan melibatkan kumpulan *WhatsApp* yang dinamakan sebagai “Sahabat JIP” berjumlah 22 orang yang terdiri daripada 11 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu, 1 orang pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali, Terengganu dan 3 orang dari Institut Pendidikan Guru kampus Kota Bharu, Kelantan. Informan berumur antara 44 hingga 60 tahun yang terdiri daripada Kelantan (16 orang), Besut (3 orang), Kemaman (1 orang), Pahang (1 orang) dan Perlis (1 orang). Pengkaji mengikut segala komunikasi dalam kumpulan *WhatsApp* selama tiga bulan sebagai pemerhati dengan

memperolehi 1,060 perbualan. Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015) menggunakan model *Grid Speaking* untuk membincangkan data yang diperolehi.

Metodologi

Kajian ini menggunakan dua bentuk kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Dalam kaedah analisis dokumen, proses pemilihan data dibuat melalui cara penandaan yang melibatkan entri, subentri dan frasa yang berlabel KI yang bermaksud dialek Kelantan dalam KD4. Proses pemilihan data ini dilakukan secara manual. Setiap data entri, subentri dan frasa berlabel KI yang dikumpul dan dipilih akan diisihkan dan disusun mengikut susunan abjad. Seterusnya, entri yang telah dikumpulkan akan diisih berdasarkan pendekatan pentakrifan. Hanya data yang ditakrifkan berdasarkan pendekatan sinonim akan dipilih sebagai bahan kajian. Seterusnya, kajian ini hanya dibataskan kepada pentakrifan entri DK *gasor* yang terkandung dalam KD4. Selain itu, data korpus yang diperolehi daripada Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu yang dibangunkan oleh DBP juga turut digunakan sebagai panduan oleh pengkaji untuk mendapatkan contoh penggunaan kata sebenar oleh masyarakat.

Kaedah lapangan yang digunakan pula melibatkan instrumen temu bual bersemuka bersama-sama dengan informan di lokasi kajian untuk mendapatkan makna sebenar DK *gasor*. Temu bual secara bersemuka dibuat antara pengkaji bersama-sama dengan 30 orang informan yang terdiri daripada masyarakat Melayu Kelantan yang menetap di tiga buah daerah, iaitu 10 orang di daerah Pasir Mas, 10 orang di daerah Kota Bharu dan 10 orang di daerah Pasir Puteh. Informan yang dipilih terdiri daripada golongan petani, nelayan, peniaga kedai runcit, dan suri rumah yang berumur antara 50 hingga 70 tahun. Setiap temu bual yang dilakukan dan jawapan yang diperolehi akan direkod oleh pengkaji secara bertulis dan juga melalui rakaman alat perakam suara. Pengkaji menggunakan DK sepenuhnya sepanjang temu bual dijalankan untuk memudahkan komunikasi dengan informan. Selain itu, penggunaan dialek yang sama ini akan membantu informan memahami konteks perkataan dan perbualan dengan pengkaji, seterusnya akan memudahkan pengkaji memperoleh makna sebenar entri *gasor* dengan lebih tepat.

Pasir Mas merupakan daerah yang telah dijadikan kajian oleh beberapa pengkaji yang lepas seperti seperti Ajid Che Kob Che Kob (1985), Hashim Musa (1974), Maimun Mat Yunus (1977) dan ramai lagi. Oleh hal yang demikian, pemilihan Pasir Mas sebagai lokasi kajian adalah sebagai kesinambungan daripada kajian lepas. Jajahan Kota Bharu dipilih sebagai lokasi kajian kerana subdialek Kota Bharu merupakan subdialek yang standard yang digunakan oleh golongan atasan di Kelantan untuk berkomunikasi. Subdialek yang dianggap tinggi ini juga menjadi sokongan kepada subdialek yang lain. Penyebaran sesuatu bahasa juga lebih mudah berlaku di Jajahan Kota Bharu antara satu kawasan dengan kawasan yang lain kerana Kota Bharu merupakan pusat pentadbiran, perdagangan dan pusat kebudayaan bagi negeri Kelantan. Di samping itu, Kota Bharu turut dijadikan lokasi kajian oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti Nik Safiah Karim (1965) dan Nor Hashimah Jalaludin (1994). Pemilihan Jajahan Pasir Puteh sebagai lokasi kajian pula kerana kedudukan Pasir Puteh yang berada di kawasan pesisir sungai, yang menjadi syarat bagi sesuatu kajian dialek dilakukan. Sesuatu dialek akan berkembang secara semula jadi di kawasan pesisir sungai. Pertembungan antara Sungai Semerak dan Sungai Rasau di jajahan Pasir Puteh ini merupakan kawasan awal penempatan penduduk.

Kajian ini menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975) yang diperkenalkan oleh Eugene A. Nida untuk menganalisis data kajian. Teori ini dipilih berdasarkan kesesuaian prinsipnya, iaitu menganalisis kata-kata yang mempunyai pertalian makna antara satu dengan lain secara terperinci mengikut komponen yang kompleks. Pada peringkat awal, keseluruhan perkataan akan dikelompokkan dan akan disubkelompokkan menjadi perkataan yang lebih khusus dan dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Berikutnya, setiap kumpulan akan dipecahkan lagi kepada kumpulan yang lebih kecil dan kemudian akan dibentuk carta fitur dengan menggunakan lambang (+) merujuk kepada fitur memiliki dan lambang (-) merujuk kepada fitur tidak memiliki. Eugene A. Nida (1975) membahagikan komponen-komponen semantik kepada tiga jenis, iaitu komponen semantik bersama, komponen semantik kontrastik dan komponen semantik tambahan. Komponen semantik bersama mempunyai ciri komponen semantik yang dikongsi bersama dengan komponen lain. Perkongsian ciri komponen semantik secara bersama ini merangkumi sebahagian daripada setiap perkataan dalam suatu bahagian ruang lingkup semantik. Contoh: ibu, ayah, anak, adik, abang, kakak, makcik, pakcik dan lain-lain membentuk komponen bersama + kekeluargaan kerana kesemua item leksikal tersebut merujuk kepada hubungan kekeluargaan. Analisis komponen makna merupakan kajian yang melihat bentuk serta peranan rujukan dan maklumat struktur makna dalam bahasa. Eugene A. Nida (1975) membahagikan empat prosedur dalam menganalisis komponen makna, iaitu penamaan, parafrasa, pengenpastian dan klasifikasi.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pentakrifan Entri DK Gasor dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim

Kajian menunjukkan bahawa entri DK yang terdapat dalam KD4 ditakrifkan dalam bentuk sinonim, iaitu berdasarkan suatu kata yang mempunyai erti yang sama atau persamaan makna pada kata tersebut. Pentakrifan secara pendekatan ini dapat dilihat pada entri kata kerja DK *gasor*. Berikut diperturunkan pentakrifan entri DK *gasor* seperti yang terdapat dalam KD4.

gasor Kl urut, picit, ramas;

(KD4:2005:438)

urut *minyak* ~ minyak angin dll yg digunakan ketika memicit atau menggosok badan; *rumah* ~ rumah tempat orang dipicit-picit atau diramas-ramas badannya; *tukang* ~ tukang picit (badan), orang yg memicit-micit (meramas-ramas dsb) badan seseorang atau tempat-tempat yg bengkok (terseluh dll);

(KD4:2005:1781)


picit *lampu* ~ lampu suluh yg dinyalakan dgn menekan tombolnya; *tukang* ~ tukang urut;

(KD4:2005:1204)

ramas I ramas;meramas **1.** menggumpal-gumpal dan memeras-meras (adunan, kelapa, nasi, dll): *tepung gandum digaul dan diramas dgn lemak*; ~ *kelapa*; **2.** memegang-megang dan memicit-micit, memijit-mijit, mengurut: *lapan orang yg ~ kaki Yang Dipertuan*; **3.** memulas dan memeras (kain basah), memerah: *dia ~ kain yg baru dibasuhnya itu*; *perut* ~ perut memulas; **4.** merenyukkan, mengumalkan: *dia ~ surat layang yg baru diterimanya*; ~ *api* memadamkan api;

(KD4:2005:1275)

Berdasarkan entri DK *gasor* yang dikeluarkan di atas, pengkaji telah mengeneralisasikan pecahan makna yang dianggap paling sesuai bagi merujuk kepada makna entri *gasor*, seperti yang berikut:



Rajah 1: Carta Makna Entri Gasor

KD4 mentakrif entri *gasor* dalam bentuk tiga sinonim sebagai *urut*, *picit*, *ramas*. Walau bagaimanapun, pentakrifan sinonim *urut* dan *picit* dilakukan dalam bentuk frasa. Kata *urut* ditakrif dalam bentuk tiga pecahan frasa, iaitu *minyak urut*, *rumah urut* dan *tukang urut*. Ketiga-tiga frasa tersebut berada dalam kumpulan yang berlainan dan membawa makna yang berbeza. Setiap frasa yang digunakan untuk mentakrif sesuatu entri perlu dimasukkan di bawah kata pertama entri tersebut. Misalnya frasa *minyak urut* yang diberikan untuk mentakrif entri *urut* adalah kurang tepat kerana frasa *minyak urut* perlu berada di bawah entri *minyak* dan bukannya berada di bawah entri *urut*. Entri *minyak* perlu ditakrifkan terlebih dahulu sebelum dimasukkan sebagai frasa *minyak urut*. Hanya terdapat satu sahaja frasa *minyak urut* dalam KD4, iaitu di bawah entri *urut*, entri *minyak* tidak memasukkan frasa *minyak urut* seperti yang sepatutnya dimasukkan di bawahnya. Keadaan ini secara tidak langsung akan menggelirukan pengguna untuk memahami makna sebenar *urut* kerana tidak terdapat penghuraian makna berkaitan dengan makna entri *urut*, sebaliknya KD4 terus memasukkan dan mentakrif frasa *minyak urut*, *rumah urut* dan *tukang urut*. Setiap frasa tersebut adalah dari entri yang berbeza.

Di samping itu, pentakrifan yang dilakukan terhadap entri *urut* tidak dilakukan mengikut kelas kata entri tersebut. Dari segi kelas kata, entri *gasor* merupakan kata kerja dan takrifan yang dilakukan hendaklah dimulakan dengan penanda kata kerja, sedangkan frasa *minyak urut*, *rumah urut* dan *tukang urut* adalah kata nama. Frasa *rumah urut* perlu diletakkan di bawah entri “rumah” dan frasa *tukang urut* berada di bawah entri “tukang”. Terdapat dua frasa dlm KD4 untuk *rumah urut*, iaitu di bawah entri “rumah” dan satu lagi di bawah entri *urut*. Frasa *rumah urut* dalam entri rumah mempunyai dua pecahan makna, iaitu seperti berikut:

rumah

~ *urut* a) rumah tempat berurut; b) rumah pelacuran;

(KD4:2005:1351)

urut

rumah ~

(KD4:2005:1781)

Walaupun bagaimanapun, di bawah entri *urut*, frasa *rumah urut* ditakrif dengan satu makna sahaja, iaitu “rumah tempat orang dipicit-picit atau diramas-ramas badannya”. Begitu juga dengan

frasa *tukang urut*, dalam entri *tukang* ditakrif sebagai “orang yang pandai mengurut” sedangkan di bawah entri *urut*, frasa *tukang urut* ditakrif sebagai “tukang picit (badan), orang yang memicit-micit (meramas-ramas dsb) badan seseorang atau tempat-tempat yang bengkak (terseliuh dll)”. Dalam hal ini, berlaku perbezaan takrifan makna bagi kedua-dua frasa yang sama di bawah entri yang berlainan dan takrifan yang diberikan juga berlainan. Berikut merupakan takrifan frasa *tukang urut* yang diambil dari KD4:

tukang~ *urut* orang yang pandai mengurut

(KD4:2005:1725)

urut

tukang ~ tukang picit (badan), orang yg memicit-micit (meramas-ramas dsb) badan seseorang atau tempat-tempat yg bengkak (terseliuh dll);

(KD4:2005:1781)

Pemasukkan frasa-frasa tersebut di bawah entri *urut* tidak membantu pengguna untuk memahami makna entri *gasor*, malah lebih menggelirukan dan menyukarkan untuk memahami makna yang ditakrif. Melalui pentakrifan frasa *minyak urut*, *rumah urut* dan *tukang urut*, pengguna gagal mendapat sebarang maklumat berkaitan entri *gasor*. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa entri *gasor* hanya dilakukan oleh manusia, iaitu perbuatan menekan dan menggosok anggota badan secara gerakan ke bawah dengan menggunakan tapak tangan, siku, ibu jari tangan atau tumit kaki untuk mengurangkan rasa sakit dan lenguh.

Kata *picit* yang menjadi padanan sinonim yang kedua bagi entri *gasor* juga ditakrif melalui penggunaan frasa, iaitu frasa *lampu picit* dan *tukang picit*. Terdapat dua frasa *lampu picit* dalam KD4, iaitu satu di bawah entri *lampu* dan satu lagi di bawah entri *picit*. *Lampu picit* yang ditakrif pada entri *lampu* ditakrif sebagai “suluh yang menggunakan bateri” manakala *lampu picit* di dalam entri *picit* ditakrif sebagai “lampu suluh yang dinyalakan dengan menekan tombolnya”. Berikut adalah takrifan frasa *lampu picit* yang diambil daripada KD4:

lampu

~ picit suluh yang menggunakan bateri

(KD4:2005:879)

picit:

lampu ~ lampu suluh yang dinyalakan dengan menekan tombolnya

(KD4:2005:1204)

Terdapat perbezaan antara takrifan frasa *lampu picit* daripada entri *picit* dan frasa *lampu picit* daripada entri *lampu* sedangkan kedua-dua frasa tersebut adalah sama. Manakala bagi pecahan makna yang kedua bagi frasa *tukang picit* hanya terdapat satu sahaja, iaitu di bawah entri *picit* tetapi tidak di bawah entri *tukang* yang merupakan tempat yang sepatutnya dimasukkan. Penggunaan frasa *lampu picit* dan *tukang picit* bagi menerangkan makna *picit* adalah kurang tepat dan tidak sesuai digabungkan pemasukkannya di bawah entri *picit* kerana *lampu picit* dan *tukang picit* adalah dua benda yang berbeza. Oleh itu, kedua-dua frasa tersebut tidak mendukung sebarang makna untuk entri *picit*. Pentakrifan kata *picit* perlu dilakukan dengan permulaan ayat dalam bentuk kata kerja sedangkan *lampu picit* dan *tukang picit* adalah kata nama.

Padanan sinonim yang ketiga ialah kata *ramas*. KD4 memberikan empat pecahan makna bagi takrifan entri *ramas*. Pengkaji mendapati bahawa pecahan makna yang kedua merupakan

makna yang paling tepat untuk merujuk makna entri *gasor*. Pentakrifan kata *ramas* bagi makna kedua memberi maksud “memegang-megang dan memicit-micit; memijit-mijit, mengurut”. Pentakrifan yang diberikan walaupun berbentuk huraian tetapi bersifat umum tanpa menyatakan siapakah pelaku dan perbuatan tersebut dilakukan terhadap siapa? Kaedah atau cara yang dilakukan juga tidak dinyatakan dengan jelas. Begitu juga dengan tempat atau bahagian anggota yang terlibat ketika perbuatan *gasor* dilakukan dan tujuan perbuatan *gasor* dilakukan. Pentakrifan makna bago entri tersebut juga gagal memberi maklumat berkaitan gerakan perbuatan *ramas* tersebut dilakukan, sama ada gerakan ke bawah, ke atas, ke sisi atau tanpa menggerakkan jari tangan ke sebarang arah.

Pengkaji mendapati bahawa *gasor* adalah perbuatan menekan dan menggosok anggota badan secara gerakan ke bawah dengan menggunakan tapak tangan, siku, ibu jari tangan atau tumit kaki. Perbuatan *gasor* tersebut dilakukan bertujuan untuk mengurangkan rasa sakit dan lenguh yang dialami oleh seseorang. Pengkaji mendapat gambaran lebih jelas apabila dua orang informan telah melakonkan watak sebagai orang yang melakukan perbuatan *gasor* manakala seorang lagi sebagai orang yang digasor.

Penilaian Semula Pentakrifan Entri DK *Gasor* yang berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisis Komponen Makna (1975)

Jadual 1: Analisis Komponen Makna entri *gasor*

Entri / Fitur Makna	manusia	binatang	menekan anggota badan	menggosok anggota badan	gerakan ke bawah	gerakan ke atas	menggunakan tapak tangan	menggunakan siku	mengurangkan rasa sakit	mengurangkan rasa lenguh
<i>gasor</i>	+	-	+	+	+	-	+	+	+	+
<i>urut</i>	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+
<i>picit</i>	+	-	+	-	-	+	+	-	+	+
<i>ramas</i>	+	-	+	-	+	+	+	-	+	+

Jadual 1 menunjukkan bahawa fitur makna yang dimiliki oleh entri *gasor* terdiri daripada [+manusia, -binatang, +menekan anggota badan, +menggosok anggota badan, +gerakan ke bawah, -gerakan ke atas, +menggunakan tapak tangan, +menggunakan siku, +kurangkan rasa sakit, dan +kurangkan rasa lenguh]. Kata *urut* mempunyai fitur [+manusia, +binatang, +menekan anggota badan, +menggosok anggota badan, +gerakan ke bawah, +gerakan ke atas, +menggunakan tapak tangan, +menggunakan siku, +kurangkan rasa sakit, dan +kurangkan rasa lenguh]. Kata *picit* mempunyai fitur [+manusia, -binatang, +menekan anggota badan, -menggosok anggota badan, -gerakan ke bawah, -gerakan ke atas, +menggunakan tapak tangan, -menggunakan siku, +kurangkan rasa sakit, dan +kurangkan rasa lenguh]. Kata *ramas* [+manusia, -binatang, +menekan anggota badan, -menggosok anggota badan, +gerakan ke bawah, +gerakan ke atas, +menggunakan tapak tangan, -menggunakan siku, +kurangkan rasa sakit, dan +kurangkan rasa lenguh]. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa kata *urut* tidak berada dalam golongan fitur yang sama dengan entri *gasor*. Fitur makna *gasor* telah dianalisis untuk melihat perbandingan dari segi fitur makna dengan tiga kata yang telah disinonimkan, iaitu *urut*, *picit* dan *ramas*. Analisis komponen makna mendapati bahawa kata kerja *gasor* mempunyai perbezaan fitur [-binatang] dan [-gerakan ke atas] dengan kata *urut* [+binatang] dan [+gerakan ke atas]. Perbuatan *gasor* dalam DK hanya digunakan untuk merujuk kepada

perbuatan yang dilakukan oleh manusia dan tidak digunakan kepada binatang, sedangkan perbuatan *urut* pula boleh juga dilakukan oleh manusia dan juga binatang.

Perbuatan *gasor* dalam DK merujuk kepada perbuatan menekan dan menggosok anggota badan secara gerakan ke bawah dengan menggunakan tapak tangan, siku, ibu jari tangan atau tumit kaki untuk mengurangkan rasa sakit dan lenguh sedangkan *urut* (mengurut) merupakan perbuatan memicit-micit dan menggosok-gosok anggota badan manusia dan juga binatang. Selain daripada anggota tangan manusia, *urut* juga boleh digunakan dengan menggunakan mesin. Dalam sintaksis DK, tidak terdapat istilah “tukang gasor” tetapi sebaliknya sangat popular dengan istilah “tukang urut”, baik tukang urut lelaki mahupun tukang urut perempuan. Oleh hal yang demikian, terbukti kata *urut* tidak sesuai digunakan untuk mentakrif entri *gasor*. Fitur kontrasitif yang wujud antara entri *gasor* dengan kata *urut* menunjukkan kedua-dua kata tersebut tidak boleh menggantikan antara satu sama lain. Sama juga halnya dengan entri *gasor* dengan kata *picit*.

Analisis mendapati terdapat tiga fitur kontrasitif antara entri *gasor* [+menggosok anggota badan], [-gerakan ke bawah] dan [+menggunakan siku] kerana *gasor* digunakan untuk merujuk kepada perbuatan menekan dan menggosok anggota badan secara gerakan ke bawah dengan menggunakan tapak tangan, siku, ibu jari tangan atau tumit kaki untuk mengurangkan rasa sakit dan lenguh sedangkan *picit* digunakan dalam keadaan [-menggosok anggota badan], [-gerakan ke bawah] dan [-menggunakan siku]. Perbuatan *gasor* boleh dilakukan dengan menggunakan anggota badan seperti tangan, siku dan tapak/tumit kaki sedangkan perbuatan *picit* hanya menggunakan tangan sahaja.

Analisis komponen bagi kata *ramas* pula menunjukkan terdapat fitur [-menggosok anggota badan], [+gerakan ke atas] dan [-menggunakan siku] sedangkan entri *gasor* [+menggosok anggota badan], [-gerakan ke atas] dan [+menggunakan siku]. Perbuatan *gasor* merupakan kaedah mengurut yang mesti dilakukan dengan menggerakkan anggota badan yang digunakan seperti tangan, siku atau tapak/tumit kaki ke arah gerakan urutan ke bawah sahaja, sekiranya gerakan mengurut menggunakan arah gerakan selain arah ke bawah, ia tidak dinamakan *gasor*. Sedangkan perbuatan *ramas* pada dasarnya boleh dilakukan oleh tangan dengan memerah-merah sesuatu seperti kelapa, nasi, kertas dan sebagainya ke sebarang arah tanpa dikhususkan gerakan ke arah bawah, ke atas.

Fitur kontrasitif yang wujud antara kata *gasor* dengan *urut*, *picit* dan *ramas* menyebabkan kata sinonim tersebut tidak dapat menggantikan antara satu sama lain. Walaupun ketiga-tiga perbuatan tersebut, iaitu *gasor*, *picit* dan *ramas* dilakukan oleh manusia dan bukan oleh binatang tetapi terdapat perbezaan yang sangat jelas daripada segi perlakuan antara *gasor* dengan *ramas* dan *picit*. Berikut disertakan contoh penggunaan ayat *urut* yang diambil daripada sumber korpus.

urut

~ badannya untuk mengurangkan ketegangan urat saraf.

~ payu dara secara perlahan-lahan sebelum dan selepas menyusui bayi.

(Sumber: Buku)

Sapukan sebarang jenis minyak angin dan ~ seluruh badannya untuk meringankan kesakitan anak tersebut.

Selain daripada ketegangan otot, ~ juga baik untuk perubahan hormon.

Sebelum tidur, ~ kaki anda dengan minyak angin dan pakai stoking bulu.

(Sumber: Majalah)

picit

Saya selak sedikit kain pelikat dan ~ kaki, dari tapak hinggalah ke paha.

Jika kepala isteri pening, suami patut tolong ~.

Kira-kira ½ minit selepas menitiskan ubat salina, ~ picagari dan masukkan hujungnya ke dalam satu lubang ...

Dia ~ butang yang diarahkan, melangkah masuk ke dalam lif

(Sumber: Majalah)

Jangan tekan atau ~ kanta dengan jari tanpa sebab.

(Sumber: Majalah)

ramas

Pilih buah yang masak berwarna kuning dan ~ di dalam air dan tapis.

(Sumber: Majalah)

“Tutup mulutmu yang lancang itu, nanti saya ~.

Tanpa kata, dia ~ lalu mengoyak surat untuk Marina, lalu membuangnya.

Kudang ~ cecair pekat yang mengalir dari luka dahinya.

Mama ~ belakang along bertalu-talu.

(Sumber: Teks Sastera)

Pentakrifan Baharu Entri DK Gasor

Berdasarkan penelitian, kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara bentuk ejaan baku yang terdapat dalam KD4 dengan sebutan sebenar entri *gasor* dalam DK. Didapati bahawa sebutan sebenar bagi entri [gasor] dalam DK adalah [gaso]. KD4 telah memasukkan konsonan belakang ‘r’ di belakang sebutan asal. Aspek yang membezakan DK dengan sebutan bahasa Melayu ialah konsonan “r” yang diujarkan dalam DK. Begitu juga dari segi pentakrifan makna, entri *gasor* perlu diberi pentakrifan semula yang lebih tepat dan mudah difahami oleh pengguna. Pentakrifan melalui pendekatan secara sinonim menggunakan frasa yang berbeza makna dan bukan sebenarnya sinonim telah menyukarkan malah menggelirukan pengguna untuk memahami makna sebenar. Pentakrifan frasa yang sama di bawah entri yang berbeza juga telah menyukarkan pengguna yang mana pengguna perlu membuat pertimbangan sendiri untuk menentukan makna yang mana adalah lebih tepat. Sementara pentakrifan makna yang sedia ada berlingkar-lingkar dan kurang tepat malah menggelirukan pengguna. Contoh penggunaan yang boleh dijadikan panduan kepada pengguna untuk memahami makna terhadap entri/subentri atau frasa yang dirujuk juga tidak disertakan. Pentakrifan entri *gasor* perlu dimulakan dengan penanda kata kerja kerana dari segi kelas kata, entri *gasor* merupakan kata kerja. Pengkaji mendapati bahawa tidak wujud sebarang perkongsian fitur yang sama antara entri *gasor* dengan kata *urut*, *picit* dan *ramas*. Keadaan ini tidak memungkinkan sebarang kata padanan yang boleh disinonimkan selepas pentakrifan entri *gasor*. Memandangkan entri *gasor* merupakan kata kerja, adalah menjadi keperluan untuk pengkaji mentakrifnya dengan menggunakan penanda kata kerja. Berikut adalah bentuk pentakrifan baharu yang dicadangkan berserta pemasukan transkripsi fonetik dan contoh penggunaan dalam bentuk baku dan juga dialek bagi entri *gasor*:

gasur

[ɣA.σʊp]

Kel

kk

Menekan dan menggosok anggota badan secara gerakan ke bawah dengan menggunakan tapak tangan, siku, ibu jari tangan atau tumit kaki untuk mengurangkan rasa sakit dan lenguh:

“acu ~ teh belake ayoh ni, ssero lengoh seluroh tubuh ni” kato ayoh ko
abe.(ayat DK)

“cuba ~belakang ayah, rasa lenguh seluruh tubuh” kata ayah pada
abang. (ayat baku)

Dalam DK, berlaku proses perendahan vokal di suku kata akhir tertutup e → a contoh bilik → bilek, itik → itek, balik → balek dan u → o, contoh buluh → buloh, buruk → burok, kabur → kabor. Walaupun terdapat panduan pengguna yang dikepilkan pada halaman hadapan yang boleh memberi panduan kepada pengguna tetapi penerangan berkaitan pentakrifan tidak dinyatakan. Panduan pengguna hanya menerangkan hal-hal berkaitan kependekan label, kata pinjaman, kata dialek, kata bidang dan sebagainya. Oleh demikian, sesebuah kamus itu perlulah bersifat mesra pengguna dan lebih membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, bagi menangani masalah pentakrifan DK yang kurang tepat, kajian ini telah dirangka dan diselesaikan secara tuntas agar masyarakat bahasa khususnya bahasa Melayu memperoleh maklumat dan kefahaman yang lebih jelas. Oleh hal yang demikian, kajian yang melihat entri DK yang bermasalah dalam KD4 ini dilihat berupaya menjawab segala permasalahan ini, sekaligus memberi suatu dimensi baharu dalam aspek pentakrifan entri dalam kamus. Pendekatan secara teoritis dilihat perlu digunakan dalam kerja-kerja perkamusan untuk melakukan pentakrifan semula terutama bagi entri dialek yang ditakrif dengan kurang tepat lebih-lebih lagi melalui padanan sinonim. Hal ini kerana, setiap pentakrifan bagi sesuatu entri yang akan dilakukan perlulah dibuat analisis terlebih dahulu. Selain itu, penerapan Teori Analisis Komponen Makna perlu dilakukan untuk mengenalpasti wujud atau tidak komponen yang sama bagi kata yang akan disinonimkan. Di samping itu, maklumat yang dikutip melalui kaedah temu bual informan juga perlu diambil kira untuk memastikan data yang diperolehi adalah tepat dan daripada sumber yang betul serta disokong oleh data korpus. Bagi pentakrifan kata dialek, kajian lapangan perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada penutur jati bagi kata dialek tersebut. Secara keseluruhan, satu rumusan pentakrifan baharu telah digeneralisasikan dengan mengambil kira pentakrifan sedia ada dalam KD4 berserta data sokongan daripada informan.

Bibliografi

- Abdul Chaer. (2007). *Leksikologi dan Leksikografi Indonesia*. Jakarta: Penerbit PT Rineka Cipta.
- Amat Juhari Moain (1994). “Sejarah dan Perkembangan Perkamusan Melayu” dlm. *Seminar Perkamusan Melayu*. Dewan bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Asmah Hj Omar (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Hj Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Hj Omar (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Hj Omar (1993). *Bahasa dan alam Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Hj Omar (1988). *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015). Penggunaan Kata Ganti Nama Dialek Kelantan dalam Aplikasi *Whatsapp*. *Jurnal Melayu*, 14(2), 291-306
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. (1998). *Malay, Word Language A Short History*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Gorys Keraf (1981). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Nusa Indah: Jakarta.
- Gouws, R. H., & Tarp, S. (2017). Information overload and data overload in lexicography. *International Journal of Lexicography*, 30(4), 389-415.
- Doreen, Hui Chin Foo. (2009). *Sinonim Bahasa Melayu dari Aspek Leksikografi*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ervan Effendi. (2015). "Analisis Komponen Makna Kata yang Bermakna Dasar *Memukul* dalam Bahasa Madura Dialek Pamekasan" dlm. *Jurnal Ilmu Sastra Indonesia*, keluaran Dis 2015, hlm 1-15.
- Fatkullina *et at.* (2016). Terminological Multifaceted Educational Dictionary of Active Type as a Possible Way of Special Discourse Presentation. *International Journal of Environmental and Science Education*, 11(17), 10081-10089.
- Hamid Mahmood (2005). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Harimurti Kridalaksana. (2001). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Harimurti Kridalaksana. (1993). *Kamus Linguistik* Edisi Ketiga. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Harimurti Kridalaksana (1984). *Kamus Linguistik*. PT Gramedia: Jakarta.
- Hashim Musa. (1974). *Morfemik Dialek Melayu Kelantan*. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hasnah Mohamad. (2008) *Takrif Istilah Mengikut Perspektif Pengguna: Penerapan Teori Umum Peristilahan (TUP) dan Teori Relevan (TR)*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hugh Clifford & Frank Swettenham. (1894). *Dictionary of the Malay Language: Malay-English*, Michigan: Univrtsity of Michigan.
- Ibrahim Ahmad (2002). *Perkamus Melayu Suatu Perkenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ibrahim Ahmad (2005). *Perkamus Melayu Teori dan Amali*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Ibrahim Ahmad (2005). *Varian Nasional Malaysia-Indonesia: Perbezaan Leksikal dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Tesis UM: Fakulti Bahasa dan Linguistik
- J.K. Chambers dan Peter Trudgill (1990). *Dialektologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)* (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Linguistik (Edisi Keempat)* (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kosem, I., Lew, R., Müller-Spitzer, C., Ribeiro Silveira, M., Wolfer, S., Dorn, A., & Geeraerts, D. (2019). The image of the monolingual dictionary across Europe. Results of the European survey of dictionary use and culture. *International Journal of Lexicography*, 32(1), 92-114.
- Marion Pie dan Franch Gaynor (1980). *Dictionary of Linguistic*. Peter Owen Publishers: London
- Newell, L.E. (1995) *Handbook on Lexicografi*. Manila: Linguistic Society of the Philippines.

- Nor Azizah Abu Bakar. (2000). "Metabahasa dan Pengungkapan Definisi dalam Kamus Melayu" dim. *Jurnal Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Keluaran Jan 2000. Hlm. 863-875.
- Noresah Baharom *et.al* (2009). *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noresah Baharom. (1993). " Kamus Dewan" dim. *Jurnal Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Keluaran Jan 1993. Hlm. 1120-1127
- Nor Hashimah Jalaluddin (2018) "Teaching and Learning Lexicography: Theory and Practice" dlm. *Jurnal Linguistik* 22(1), Hlm 018-023
- Norliza Jamaluddin. (2002). "Pentakrifan Dialek Perak dalam Kamus" dlm. *Jurnal Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Keluaran Nov 2002. Hlm 490-503.
- Riduan Makhtar dan Abdul Ganing Laengkang. (2018). Keunikan Dialek Sungai Nengiri, Kelantan: Satu Analisis Struktural. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13 (2), 260-273.
- W. E. Pepys. (1916). A Kelantan Glossary. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 74 (December, 1916)
- Wild, K., Kilgarriff, A., & Tugwell, D. (2013). The Oxford Children's Corpus: using a children's corpus in lexicography. *International Journal of Lexicography*, 26(2), 190-218.
- William J. Samarin (1993). *Kajian Lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur